

Program Orientasi Staf Baharu UMP



Kuantan, 29 September – Lebih 80 orang staf baru Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Orientasi Staf Baru atau ‘Selamat Datang Ke UMP’ anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan di Dewan Tun Fatimah, UMP Gambang baru-baru ini. Program ini dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator yang terdiri daripada staf UMP sendiri dalam menyampaikan ceramah dan maklumat berkenaan teras universiti meliputi pembangunan korporat, pengurusan kualiti, sumber manusia, hal-ehwal akademik, pengantarabangsaan, penyelidikan dan sebagainya.

Program bertujuan untuk memberikan input kepada staf baru UMP berkenaan hasrat pihak pengurusan universiti terhadap peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi sama-sama menjayakan pencapaian visi dan misi UMP.

Dalam sesi sejenak bersama pengurusan universiti, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, kejayaan sesebuah organisasi atau universiti bukan faktor utamanya disebabkan oleh ketua jabatannya tetapi ianya adalah disebabkan oleh peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua lapisan staf di UMP yang mendokong kepada budaya kerja cemerlang melalui penghasilan kerja berkualiti dan berproduktiviti tinggi.



Manakala menurut Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Hj. Safie berkata, sebagai staf baharu mereka perlu memahami peranan dan tanggungjawab dalam usaha merealisasikan hasrat universiti dalam mencapai visi dan misi UMP.

"Sekiranya mereka memahami dan menghayatinya maka pastinya tidak timbul isu segelintir staf yang tidak berdisiplin dan tidak berintegriti. Staf perlu memanfaatkan program ini yang dapat memberi ilmu dan maklumat yang perolehi berkenaan universiti," katanya. Selain itu juga mereka perlu menghayati konsep kerja sebagai ibadah dalam melaksanakan tugas di tempat kerja masing-masing.

Peserta program Ahmad Fitri Yusop dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal berpendapat menerusi program ini kita dapat memupuk semangat bekerja dengan lebih komited kerana kita mengetahui hasrat pihak pengurusan universiti dan peranan serta tanggungjawab yang perlu dimainkan. Begitu juga dengan Aisyatul Hanisah Mazri dari Institut Pengajian Siswazah berkata, mereka berpeluang mengetahui fungsi utama universiti meliputi teras akademik, hal-ehwal pelajar, penyelidikan dan sumber manusia.



Berita dan gambar disediakan Suhana Mohd. Nor dari Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) Jabatan Pendaftar dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 01-10-2015, 17:48:26